# Dato Harun mesti buat rayuan lagi —Dr. M

BH [illegible] OGO 1976

Seremban, Jumaat - Dato Harun Idris dikehendaki membuat permohonan rasmi secara bertulis sekali lagi bagi merayu untuk beliau diterima semula menjadi ahli UMNO kepada Jawatankuasa Tatatertib Parti itu. Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya sehingga ini masih belum lagi menerima sebarang surat rayuan seumpama itu dari Dato Harun untuk dipertimbangkan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa tersebut bercakap kepada para pemberita selepas perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO Negeri Sembilan di Bilik Gerakan Negeri di sini lewat petang ini.

Dr. Mahathir bersama isterinya dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negeri ini mulai hari ini.

Beliau mengakui bahawa Dato Harun baru-baru ini ada menulis surat kepada Ibupejabat UMNO Malaysia merayu supaya soal pemecatannya dari parti itu ditimbang semula.

"Kita menerima rayuan itu tetapi Dato Harun mestilah membuat rayuan lain secara rasmi untuk ditimbang semula menjadi ahli UMNO," katanya.

Tegasnya, mengikut perlembagaan UMNO, seseorang ahli yang telah disingkirkan mestilah membuat permohonan baru untuk menjadi ahli semula.

"Kita menunggu permohonan ini dari Dato Harun dan akan menimbangkannya," kata beliau.

"Saya dahulu pun semasa saya disingkirkan, saya terpaksa membuat permohonan menjadi ahli semula, jadi itu yang ditimbangkan," tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata pihak Jawatankuasa Tatatertib parti sekarang tidak ada sebarang perkara yang hendak ditimbangkan mengenai Dato Harun kerana beliau belum lagi menghantar surat rayuan sebagaimana yang dikehendaki oleh perlembagaan UMNO.

Menurut beliau, jawatankuasa tersebut akan bersidang bila menerima surat rayuan Dato Harun itu.

"Soal pertimbangan itu bergantunglah kepada permohonan dan rayuan yang dibuat oleh Dato Harun," katanya kepada satu pertanyaan.

Difahamkan bahawa surat tersebut telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO baru-baru ini.